

04 AUG 1999

Mapen-Anggota

ANGGOTA MAPEN DARI SEMUA PERINGKAT DAN LAPANGAN HIDUP

KUALA LUMPUR, 4 Ogos (Bernama) -- Majlis Perundingan Ekonomi Negara Kedua (Mapen II) yang dilancarkan hari ini mempunyai 155 anggota mewakili rakyat Malaysia pelbagai bangsa, daripada semua peringkat masyarakat dan segenap lapangan hidup.

Petani dan nelayan, doktor dan peguam, pemimpin korporat dan peniaga runcit, pesara dan pemimpin pelajar -- semuanya diwakili dalam majlis itu yang ditugaskan bagi membantu mencorakkan masa depan ekonomi negara.

Turut sama menganggotai majlis itu ialah wakil parti politik, kumpulan minoriti seperti persatuan Sikh dan Thai, dewan perniagaan dan perindustrian, kesatuan sekerja, kumpulan pencinta alam sekitar dan pertubuhan wanita.

Badan profesional, koperasi, pertubuhan belia, ulama malah wartawan juga tidak terkecuali.

Sebanyak 37 individu juga dinamakan untuk menduduki majlis itu yang dilancarkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC).

Antara yang terkemuka ialah Tan Sri Dr Noordin Sopiee, Pengerusi Institut Kajian Strategik dan Antarabangsa (ISIS), Tan Sri Ahmad Sarji, bekas Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Razali Ismail, bekas Wakil Tetap ke Bangsa-bangsa Bersatu dan Tan Sri Dr Othman Yeop Abdullah, pengerusi Perbadanan Pembangunan Multimedia.

Yang lain termasuk Datuk Abdul Kadir Jasin, Ketua Pengarang Kumpulan New Straits Times, aktivis sosial Datuk Lee Lam Thye, penggiat gerakan pengguna Martin Khor dan pengerusi Institut Kajian Pembangunan Sabah Datuk Masidi Manjun.

Tokoh korporat dalam majlis itu termasuklah Tan Sri William Cheng dari Lion Group, Tan Sri Francis Yeoh dari YTL, Tan Sri Kishu Tirathrai (Globe Silk Store), Tan Sri Khalid Ibrahim (Guthrie), Ananda Krishnan (Binariang) dan Datuk Maznah A. Jalil (Proton).

Di kalangan parti politik, parti pembangkang Parti Bersatu Sabah (PBS) mempunyai dua wakil dalam majlis itu manakala PAS dan DAP ternyata tidak diwakili. Dua wakil PBS ialah Dr Maximus Ongkili dan Dr Yee Moh Chai.

Ketua Perhubungan UMNO Kelantan Tengku Razaleigh Hamzah mengetuai senarai 12 wakil UMNO. Yang lain termasuklah Tan Sri Dr Abdul Hamid Pawanteh, Datuk Dr Rais Yatim, Datuk Yahya Lampong dan Abdul Azim Ahmad Zabidi.

Wakil MCA berjumlah 10 orang diketuai oleh Datuk Ong Tee Keat manakala yang lain termasuk Datuk Dr Ng Yen Yen, Fu Ah Kiow dan Dr Tan Yee Kew.

Tan Sri Dr K.S. Nijhar dan empat orang lagi mewakili MIC manakala wakil Gerakan ialah Datuk Alex Lee dan empat anggota lagi.

Anggota terkemuka lain ialah Tan Sri Tajudin Ramli (Dewan Perniagaan dan Industri Kebangsaan Malaysia), Datuk Paul Low (Persekutuan Pekilang Malaysia), Datuk Amirsham A. Aziz (Persatuan Bank-bank Dalam Malaysia), Ali Abdul Kadir (Suruhanjaya Sekuriti), Datuk Mohd Azlan Hashim (Bursa Saham Kuala Lumpur) dan Prof. Diraja Ungku A Aziz (Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad -- ANGKASA).

Anggota majlis yang mewakili golongan pekerja ialah Senator Zainal Rampak (MTUC), Siva Subramaniam (CUEPACS), A. Narayanasamy (NUPW) dan Abu Bakar Shawkat Ali (NUTP).

Datuk Charern Intachat (masyarakat Thai), Sukhveer Singh (Sikh), Michael Banerji (Portugis Melaka), Sikandar Batcha Abdul Majeed (India

Muslim) dan Majid Suhut (Orang Asli) mewakili kumpulan minoriti.

Golongan petani dan nelayan diwakili Datuk Abdul Rashid Abdul Rahman dan Jamali Haji Basri untuk mengetengahkan pandangan mereka manakala wanita diwakili oleh Prof Datuk Nik Safiah Karim (NACIWID) dan Prof Datin Dr Sharifah Hapsah Syed Hassan (NCWO).

Wakil Persatuan Ulama Malaysia ialah Ustaz Ahmad Awang manakala wakil Majlis Peguam R.R. Chelvarajah.

-- BERNAMA

SJ NMO